

Teguran PM gamatkan Dewan

U.M. 10 MAR 1993

KUALA LUMPUR 9 Mac — Dewan Rakyat hari ini gamat apabila Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Timbalan Pengerusi DAP, Karpal Singh hanya berani bersuara sewaktu ketuanya, Lim Kit Siang tiada di tempat duduknya di Parlimen.

Perdana Menteri yang bangun mencelah pertikaman lidah antara Karpal Singh dengan **Dominic Joseph Puthuchery (BN-Nibong Tebal)** berkata: "Sekarang Karpal bangun meminta komen daripada Nibong Tebal sebab boss dia sudah tidak ada."

Dr. Mahathir berkata demikian kerana Karpal cuma diam sepanjang Lim Kit Siang berada dalam Dewan Rakyat.

Hanya selepas Kit Si-

ang keluar dari Dewan pada pukul 3.00 petang, baru Karpal bangun meminta penjelasan daripada Puthuchery.

Kit Siang keluar dari Dewan kerana tidak puas hati dengan perbuatan Puthuchery yang tidak memberi peluang kepada beliau bangun meminta penjelasan.

Kenyataan Perdana Menteri mengenai perangnya itu telah menimbulkan kemarahan Karpal.

Ahli Parlimen Jelutong itu berkata dengan nada tinggi: "Boss tidak ada boss, Mahathir atau raja-raja pun Karpal Singh tak takut. Ini telah dibuktikan dalam sejarah Malaysia."